

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
(JASIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.05.2016**

**Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah inisiatif untuk mewujudkan 'one stop centre' bagi semua geran dan dana serta 'one stop centre' bagi semua jenis bantuan / subsidi untuk memudahkan golongan sasaran memohon dan mendapatkannya.

**JAWAPAN**

Buat masa ini Kerajaan belum memutuskan untuk mewujudkan 'one stop centre' secara fizikal bagi penyaluran dana, geran atau bantuan Kerajaan, memandangkan tanggungjawab tersebut dilaksanakan dengan baik oleh Kementerian dan Agensi tertentu bersesuaian dengan tanggungjawab masing-masing. Sebagai contoh penyaluran geran, dana dan bantuan di laksanakan oleh Kementerian Pertanian;

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Unit Perancang Ekonomi (EPU), JPM; Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM; Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah mewujudkan Pusat Transformasi Bandar (UTC) sebagai 'one stop centre' bagi penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan asas Kerajaan. Penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut di UTC dapat membantu memudahkan rakyat mendapatkan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung. Pada masa ini terdapat 14 buah UTC diseluruh negara dan jenis-jenis perkhidmatan tersebut adalah seperti di lampiran. Selain daripada itu UTC juga turut menempatkan agensi-agensi seperti Tekun Nasional, MARA, PUNB, Agrobank dan Amanah Ikhtiar Malaysia bagi memudahkan rakyat mendapatkan bantuan pembiayaan perniagaan mereka.

Terima kasih.